

Desakan gantung rundingan FTA taktik kotor AS

UM- 2/2/2007

KUALA LUMPUR 1 Feb. - Tindakan anggota Senat Amerika Syarikat (AS) mendesak kerajaan negara itu menaguhkan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Malaysia merupakan taktik kotor bagi menjayakan kepentingan mereka.

Beberapa tokoh ekonomi negara berkata, desakan yang dibuat oleh Ahli Kongres AS, Tom Lantos itu merupakan helah yang biasa digunakan oleh AS untuk mengenakan tekanan ke atas negara-negara yang mengadakan rundingan dengan mereka.

Pengerusi Transparency Malaysia, **Tan Sri Ramon Navaratnam** berkata, desakan AS itu memang sudah diduga kerana ia adalah 'permainan' negara tersebut selama ini.

"Inilah sebenarnya 'rupa' AS, kalau mereka sukar mendapatkan segala kemahuannya, ancaman dan tekanan sebegini akan digunakan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Navaratnam berkata, beliau tidak nampak sebarang alasan mengapa Malaysia dihalang untuk berurus niaga dengan Iran, sedangkan AS sendiri sering mendakwa mereka mengamalkan dasar terbuka dalam perdagangan.

Beliau berkata demikian sebagai menngulas desakan Lantos supaya kerajaan George W. Bush menggantung rundingan FTA dengan Malaysia kerana sokongan lantang negara ini terhadap program nuklear Iran serta urus niaga yang terjalin antara Malaysia dan Iran dalam pembekalan tenaga.

Pensyarah Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), **Haim Hilman Abdullah** pula berkata, kerajaan tidak perlu melatah menghadapi situasi ini kerana Malaysia adalah negara berdaulat dan memiliki integriti.

Lagipun, katanya, perdagangan antara Malaysia dan Iran tidak bercanggah dengan prinsip negara ini dan negara lain tidak seharusnya campur tangan dalam hal ehwal Malaysia.

"Saya sebenarnya melihat desakan ini dibuat kerana AS semakin tertekan untuk mendapatkan apa yang dikehendakinya," ujar beliau.

Sehubungan itu, beliau menggesa Malaysia memperluaskan rundingan dagangannya dengan negara-negara maju yang lain supaya tidak dilihat terlalu bergantung kepada AS.

Presiden Persekutuan Syarikat-Syarikat Terserai Awam, **Datuk Seri Megat Najmuddin Megat Khas** pula berpendapat, Malaysia sebenarnya tidak akan mengalami kerugian sekiranya rundingan FTA AS-Malaysia dibatalkan.

Beliau berkata, memang tidak dinafikan negara itu merupakan pengimport terbesar barangan Malaysia, tetapi kebanyakan barangan itu adalah barangan keluaran syarikat-syarikat milik mereka yang beroperasi di negara ini.